



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MENDAKI BUKIT GONDOL DAN PLOGGING DI PANTAI PUGU, LUNDU, SARAWAK

SEMPENA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020

**14 MAC 2020 (SABTU)
PERMATA PUGU CAMPING SITE, LUNDU**

14 MAC, LUNDU: Seramai lebih 80 peserta yang terdiri dari kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak, Bintulu Port Holdings Berhad, para pelajar dari Politeknik Kuching dan penduduk Kampung Pugu telah menyertai aktiviti **plogging** di Pantai Pugu, Lundu, Sarawak. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan Bintulu Port Holdings Berhad yang turut dihadiri oleh wakil-wakil dari agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, bersempena dengan sambutan Hari Bumi kali ke-50 yang disambut pada setiap 22 April dengan tema adalah "*climate action*".

Aktiviti ini juga selaras dengan **Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018-2030**, di mana kita dalam peringkat mempromosi kesedaran dan pendidikan bagi mengurangkan dan menghentikan pengguna plastik sekali guna dan memberikan maklumat kepada masyarakat tentang kesan buruk dan bahaya sisa plastik kepada hidupan dan alam sekitar sebelum ianya dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun 2022. Bertepatan juga dengan tema Hari Bumi pada Tahun 2020, kesan penggunaan plastik yang berleluasa sejak sekian lama, secara tidak langsung telah memberi kesan pencemaran seperti

pembakaran secara terbuka ke atas sisa plastik yang akan menyebabkan pencemaran udara iaitu pelepasan bahan berbahaya dan karbon ke udara bebas yang secara tidak langsung memberi kesan kepada pemanasan bumi. Kesan pelupusan sisa plastik yang tidak terancang juga memberi kesan buruk kepada hidupan laut dan alam sekitar.

Aktiviti 'plogging' pada hari ini juga adalah bagi menyahut slogan "**Alam Sekitar Tanggung-jawab Bersama**" iaitu mengajak penglibatan seluruh lapisan masyarakat bersama-sama dengan agensi kerajaan di dalam usaha pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar dengan menguruskan sampah-sarap dengan cara yang mesra alam dan menghentikan sebarang aktiviti yang menyumbang kepada pencemaran seperti membuang sampah merata-rata dan melakukan pembakaran secara terbuka ke atas sisa sampah sarap termasuk sisa plastik dan polistyren. Masyarakat juga diseru untuk mengamalkan gaya hidup yang sihat dan bertindak segera bagi mengurangkan atau menghentikan penggunaan '*single-use plastic*' seperti botol plastik sekali guna, pembungkus makan dan beg plastik serta penyedut minuman plastik secara berperingkat. Usaha ini diharapkan dapat dihayati dan dilaksanakan secara berterusan oleh masyarakat bagi memastikan persekitaran yang bersih, selamat dan kondusif untuk didiami oleh generasi masa kini dan masa hadapan.

Program dirasmikan oleh En. Hamzah Bin Mohamad, Pengarah, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak.

-TAMAT-